

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

AAW414- PENGAUDITAN II

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mempunyai **LAPAN (8)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA (5)** soalan. Soalan di Bahagian A adalah **WAJIB** dan pilih **DUA (2)** soalan dari Bahagian B.

Bahagian A (WAJIB)

1. (a) Dua analisis pengkalan data umum yang selalu digunakan di dalam pengauditan ialah IDEA (Interactive Data Extraction and Analysis) dan ACL (Audit Command language). Pada pendapat anda, bagaimanakah pakej komputer ini boleh digunakan didalam firma audit?
- (b) Anda sedang menjalankan pengauditan sistem belian Perabot Karyanika Berhad. Syarikat mempunyai jualan lebih kurang RM10 juta, dan kesemua saham adalah dimiliki oleh Puan Samsiah dan suaminya, di mana kedua-duanya merupakan pengarah "bukan urusan" syarikat. Pengarah urusan syarikat yang bertanggungjawab terhadap pengendalian perniagaan tidak memiliki sebarang saham syarikat.

Penyimpan buku akaun mencatat kesemua rekod perakaunan dan menyediakan penyata kewangan tahunan. Sebuah mikrokomputer yang menggunakan perisian perakaunan komersial telah digunakan untuk menyediakan kesemua rekod perakaunan termasuklah rekod sistem belian. Khusus untuk sistem belian, sebuah lejar belian telah disediakan di mana invois, kredit, pelarasan, tunai dan diskaun diposkan. Apabila invois belian telah dimasukkan ke dalam komputer, nilai invois akan dikreditkan ke lejar belian (lejar pemiutang) dan analisis belanja akan didebitkan ke lejar nominal.

...2/-

Proses yang terlibat di dalam sistem belian boleh dirumuskan seperti berikut:

- (i) apabila bahan mentah diperlukan untuk pengeluaran, pengurus pengeluaran akan menghantarkan "nota yang bertulis tangan" kepada pengurus belian. Bagi pesanan butiran lain, pengurus jabatan yang terlibat atau pengarah urusan akan menghantarkan juga "nota yang bertulis tangan" kepada pengurus belian. Pengurus belian akan mencari dan menentukan pembekal yang sesuai dan kemudiannya akan menyediakan pesanan belian. Pengarah urusan akan meluluskan pesanan belian tersebut dengan menandatangani. Anda telah menjumpai beberapa barangan yang diterima oleh syarikat yang tidak mempunyai pesanan belian.
- (ii) bahan mentah untuk pengeluaran akan diterima oleh jabatan penerimaan barangan yang kemudiannya akan mengeluarkan nota penerimaan barangan (goods received note). Satu salinan akan dihantarkan kepada penyimpan buku akaun. Tiada sistem pencatatan bagi penerimaan barangan lain.
- (iii) selepas menerima invois belian, penyimpan buku akaun akan membandingkannya dengan nota penerimaan barangan dan pesanan belian. Pengarah urusan akan meluluskan invois yang akan diposkan ke lejar belian terlebih dahulu.
- (iv) penyimpan buku akaun akan membuat analisis ke atas invois tersebut dan kemudian akan mengeposkannya ke lejar belian.
- (v) pada hujung bulan, penyimpan buku akaun akan menyediakan senarai pembekal yang patut dibayar. Pembayaran tersebut perlu mendapat kelulusan daripada pengarah urusan terlebih dahulu.
- (vi) penyimpan buku akaun akan menyediakan cek dan pembayaran, dan akan mengeposkan cek ke lejar belian dan buku tunai.
- (vii) pengarah urusan akan menandatangani cek tersebut, dan penyimpan buku akaun akan menghantarkan pembayaran cek tersebut kepada pembekal.

...3/-

Puan Samsiah dan suami, pemegang saham Perabot Karyanika Berhad menyedari bahawa terdapat kelemahan di dalam sistem kawalan dalaman belian. Mereka mencadangkan seorang juruaudit dalaman dilantik yang akan melaporkan kepada mereka aktiviti yang telah dijalankan.

Dikehendaki:

- (1) mengenalpasti kelemahan di dalam kawalan sistem belian Perabot Karyanika Berhad dan cadangan bagi mengatasi kelemahan tersebut.
- (2) cadangkan tatacara pengauditan yang boleh dilakukan oleh juruaudit dalaman di dalam menyemak tatacara sistem belian dan mengurangkan risiko kesilapan dan penipuan.

[20 markah]

2. Soalan berikut adalah berdasarkan model risiko audit seperti yang telah dibincangkan didalam IAG 25 dan 29.

- (a) Andaikan juruaudit sedang menjalankan audit tahun pertama Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan didapati sistem kawalan dalaman adalah tidak berkesan.

Jelaskan:

- (i) kenapa juruaudit berkemungkinan menetapkan risiko kawalan dan semula jadi sebagai 100%?
 - (ii) andaikan risiko kawalan dan semulajadi adalah 100%, jelaskan perhubungan risiko audit dengan risiko mengesan.
- (b) Andaikan anda sedang menjalankan pengauditan bagi tahun keempat Majlis Perbandaran yang sama dan telah membuat keputusan bahawa anda boleh menetapkan risiko audit boleh diterima pada tahap "tinggi", dan risiko semulajadi dan kawalan pada tahap "rendah".

...4/-

Jelaskan:

- (i) keadaan apakah yang memungkinkan perkara ini terjadi?
 - (ii) di dalam pengauditan belanja pembaikan dan penyelenggaraan, kedua-dua risiko kawalan dan semulajadi telah ditetapkan sebagai 20%. Risiko audit boleh diterima ialah 5%. Tentukan risiko mengesan.
 - (iii) apakah kesannya ke atas bukti yang harus dikumpul jika keadaan (ii) berlaku?
- (d) Andaikan sesebuah syarikat mempunyai kunci-kira kira seperti berikut:

Akaun	Jumlah (RM)
Tunai	10,000
Aset tetap	<u>60,000</u>
	<u>70,000</u>
Pinjaman jangka panjang	30,000
Modal (perniaga tunggal)	<u>40,000</u>
	<u>70,000</u>

Anda hendak menentukan samada modal telah terlebih nyata. Tentukan salah nyata bagi ketiga-tiga akaun (tunai, aset tetap dan pinjaman) dengan mengambil kira bahawa pertimbangan awal materialiti tidak boleh melebihi RM5,000. Berikan alasan untuk menyokong pengagihan materialiti anda.

[20 markah]

...5/-

3. (a) Jelaskan risiko persampelan dan risiko bukan persampelan dan bincangkan ukuran sampel yang dianggap sesuai untuk juruaudit menemui kesilapan.
- (b) Andaikan anda telah menjalani pengauditan di Syarikat Permata dan mengesani kesilapan di dalam sampel persampelan unit matawang atau "probability to size sampling" seperti berikut:

Jadual 1: Kesilapan di dalam butiran sampel

Butiran sampel	Nilai buku (RM)	Nilai audit (RM)
1	550	0
2	640	576
3	1,800	0
4	2,400	1,800
5	2,700	2,430

Soalan (i) hingga (iii) adalah berdasarkan Jadual 1 di atas. Sila lihat Lampiran I untuk menyelesaikan soalan ini.

- (i) Tentukan kesilapan yang diprojekkan, jika diandaikan:
- (1) jarak persampelan adalah RM2,000.
 - (2) jarak persampelan adalah RM2,500.
- (ii) Jika risiko salah penerimaan adalah 10%, jarak persampelan adalah RM2,000, dan 5 kesilapan telah dijumpai seperti yang ditunjukkan di jadual 1 di atas, tentukan:
- (1) ketepatan asas
 - (2) elaun tambahan risiko persampelan
 - (3) had kesilapan atasan
- (iii) Jika kesilapan boleh diterima ialah RM50,000 dan kesilapan yang dijangkakan adalah RM10,000, apakah keputusan anda berhubung dengan (ii) di atas?

[20 markah]

...6/-

Bahagian B

Pilih dan jawab DUA (2) sahaja.

4. (a) Bincangkan pengiraan yuran audit seperti yang dicadangkan di Lampiran 2 dan 3 Undang-undang kecil MIA. Jelaskan bagaimana yuran audit boleh menjejaskan kebebasan seorang juruaudit.
- (b) IAG 18 menerangkan penggunaan kerja pakar oleh juruaudit. Jelaskan keadaan yang memungkinkan keperluan kerja seorang pakar dan bincangkan tatacara yang perlu dijalankan sebelum juruaudit boleh menggunakan kerja juruaudit pakar.

[20 markah]

5. Tuliskan nota ringkas berhubung dengan:

- (a) tatacara penyemakan penyata kewangan seperti digariskan di dalam AR 2 (Penyemakan Penyata Kewangan).
- (b) fungsi dan justifikasi penubuhan MASB (Malaysian Accounting Standards Board)
- (c) audit persekitaran
- (d) audit di dalam sektor awam.

[20 markah]

6. (a) Selain daripada pengauditan penyata kewangan, bincangkan jenis perkhidmatan lain yang boleh ditawarkan oleh juruaudit.
- (b) Encik Chan, pengarah urusan Lukisan dan Kraftangan Berhad, sebuah syarikat kecil yang telah menjadi pelanggan firma anda untuk beberapa tahun telah meminta anda bekerjasama dengan mereka didalam menyediakan maklumat ramalan bagi 3 tahun berakhir 31 Disember 1995, 1996 dan 1997. Encik Chan memberitahu anda bahawa beliau berniat untuk menggunakan ramalan, bersama-sama dengan penyata kewangan yang telah diaudit untuk mendapatkan pembiayaan kewangan tambahan dengan tujuan membesarkan perniagaan beliau. Encik Chan mempunyai hanya sedikit pengalaman di dalam penyediaan ramalan dan bergantung kepada anda untuk menolungnya. Beliau menyatakan beliau akan memberikan segala maklumat yang diperlukan bagi menolong anda menyediakan ramalan.

...7/-

Ada dua sebab utama kenapa ramalan tersebut diperlukan. Pertama, beliau memerlukan maklumat pelunjuran jualan dan hasil daripada perniagaan yang sedia ada kerana beliau yakin bahawa perniagaan beliau boleh dibiayai dengan modal yang sedia ada.

Kedua, beliau ingin membeli sebuah perniagaan yang mempunyai masalah, yang menjalankan perniagaan yang hampir sama dengannya. Encik Chan menyatakan beliau boleh mengeluarkan syarikat kecil itu dari masalah yang dihadapinya dengan menjual sebahagian dari aset operasi perniagaan dan menggantikannya dengan yang baru. Beliau telahpun mendapat pembeli yang ingin membeli aset syarikat yang bermasalah itu pada harga yang sesuai. En Chan menambah lagi bahawa beliau telah pun menetapkan harga belian dengan lembaga pengarah syarikat bermasalah tersebut. Walaubagaimanapun, tawaran harga tersebut adalah tertakluk kepada mendapat pembiayaan kewangan.

Dikehendaki:

- (i) jelaskan keadaan yang mesti wujud sebelum anda boleh menerima perlantikan tersebut
- (ii) jelaskan tanggungjawab anda berhubung dengan tugas ramalan tersebut
- (iii) jelaskan secara spesifik maklumat yang anda perlukan untuk menyiapkan ramalan keuntungan itu.

[20 markah]

LAMPIRAN I

Jadual 2: Faktor kebolehppercayaan bagi tiada salah nyata

Faktor kebolehppercayaan bagi tiada salah nyata									
	Risiko salah penerimaan								
	1%	5%	10%	15%	20%	25%	30%	37%	50%
Faktor Kebolehppercayaan	4.61	3.00	2.31	1.90	1.61	1.39	1.21	1.00	.70

Jadual 3: Faktor pengembangan bagi salah nyata yang dijangka

Faktor pengembangan bagi salah nyata yang dijangka									
	Risiko salah penerimaan								
	1%	5%	10%	15%	20%	25%	30%	37%	50%
Faktor pengembangan	1.90	1.60	1.50	1.40	1.30	1.25	1.20	1.15	1.0

---ooo000ooo---